

01 NOV 2002

Mahathir-Air/I

DR MAHATHIR : MALAYSIA MEMPUNYAI HAK KAJI SEMULA HARGA AIR

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak pendapat Singapura bahawa Malaysia tidak mempunyai hak untuk mengkaji semula harga air yang dibekalkan ke republik itu.

Dr Mahathir berkata Menteri Kanan Singapura LeeKuan Yew menemuainya dua kali untuk berbincang mengenai kajian semula harga air.

"Saya tidak faham. Jika kita tidak mempunyai hak, mengapa Lee Kuan Yew datang bertemu saya dan mencadangkan supaya harga air dikaji semula dan dinaikkan kepada 45 sen yang kemudian kita katakan ia sewajarnya 60 (sen), 15 sen lebih tinggi.

"Sekarang mereka berkata kita tidak ada hak, jika kita tidak mempunyai hak, mengapa beliau berbincang dengan kita mengenai kajian semula harga air," kata Perdana Menteri pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Agung pertama Putri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Menteri Luar Singapura, S. Jayakumar bahawa republik itu akan mencabar setiap aspek "tuntutan" Malaysia bahawa negara itu mempunyai hak untuk mengkaji semula Perjanjian Air 1961 dan 1962.

Jayakumar menegaskan pendirian republik itu di Parlimen Singapura bahawa Johor sepatutnya merujuk klausa kajian semula pada 1986 dan 1987, bahawa Johor telah hilang hak untuk mengkaji semula.

Dalam perjanjian 1961 yang ditandatangani oleh kedua-dua negara, Singapura berhak menerima 88 juta galen air mentah sehari dari kawasan tadahan Pulai dan Sungai Tebrau di Johor hingga Ogos 2011 manakala bagi perjanjian 1962, republik itu akan menerima 50 juta galen air sehari dari Sungai Johor hingga Sept 2061.

Beliau berkata Lee telah mencadangkan supaya harga air wajar dikaji semula dan dinaikkan kepada 45 sen dan 45 sen itu dikekalkan hingga 2011.

"Dalam perkataan lain, beliau menerima mengenai perlunya harga itu dikaji semula. Beliau ternyata menyedari bahawa 3 sen bagi setiap 1,000 galen yang ditetapkan pada 1927, tidak adil.

"Beliau datang menemui saya sebanyak dua kali dan setiap kali beliau bercakap mengenai mengkaji semula harga air.

"Sekarang mereka kata kita tidak ada hak. Inilah masalahnya dengan Singapura, satu hari mereka kata akan timbang harga air dan esoknya, mereka kata tidak perlu. Jika tidak perlu, mengapa kita perlu berbincang," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata jika isu air dikeluarkan daripada pakej perbincangan antara kedua-dua negara, isu-isu lain boleh diselesaikan dahulu. Ini termasuk isu Kumpulan Wang Pusat Singapura dan masalah ruang udara.

"Tetapi, mereka berpendapat bahawa kecuali masalah air tidak diselesaikan, kita tidak boleh bercakap mengenai isu lain. Jadi, baiklah, mari kita bincang mengenai air, selesaikannya dan yang lainnya akan mengikut," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Singapura kini mengubah fikiran dan mementingkan undang-undang.

Ditanya mengenai langkah Malaysia seterusnya, Dr Mahathir berkata: "Kita perlu memikirkannya".

Perdana Menteri yang ditanya sama ada Malaysia akan menimbang untuk membawa kes itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), berkata

"Kita sudahpun ke Mahkamah Antarabangsa membabitkan Pulau Batu Putih.

Kita sedia tetapi pihak Singapura belum bersedia.

"Jadi isu ini mengheret kita seterusnya dan sepanjang masa itu, air terus dijual pada harga 3 sen," katanya.

Ditanya mengenai cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim supaya satu akta air tersendiri diwujudkan untuk mengatasi masalah itu, Dr Mahathir berkata perkara itu harus dikaji.

"Kita harus kaji tentang perjanjian itu, apakah ia terlalu mengikat sehingga ketidakadilan dapat dikekalkan. Dunia mengakui bahawa harga 3 sen bagi setiap 1,000 gelen adalah tidak munasabah, saya bercakap dengan banyak orang," katanya.

Dr Mahathir berkata di Jeddah, baru-baru ini beliau ditanya apakah Malaysia menggunakan air sebagai senjata setelah beliau mencadangkan supaya minyak digunakan sebagai senjata.

"Bila saya terangkan bahawa harga 3 sen adalah harga yang ditentukan pada tahun 1927, dia ternganga, baru dia faham ketidakadilan harga yang dibayar kepada Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

AZH AZZ LAT